LANVIS TABLET

Thioguanine (40mg)

Apakah yang ada pada risalah ini?

1. Apakah kegunaan *Lanvis Tablet*
2. Bagaimana *Lanvis Tablet* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Lanvis Tablet*
4. Cara menggunakan *Lanvis Tablet*
5. Semasa menggunakan *Lanvis Tablet*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Lanvis Tablet*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaa*n Lanvis Tablet*?

Lanvis Tablet mengandungi ubat yang dinamakan thioguanine. Ia termasuk dalam kumpulan ubat yang dinamakan sitotoksik (juga dinamakan kemoterapi). *Lanvis Tablet* digunakan untuk masalah darah dan kanser darah yang tertentu.
Lanvis Tablet digunakan untuk leukemia akut (merebak dengan cepat), terutamanya:

- Leukemia mielogenus akut (juga dinamakan leukemia mieloid akut atau AML) - penyakit yang cepat merebak dan meningkatkan bilangan sel darah putih yang dihasilkan oleh sumsum tulang. Ini boleh menyebabkan jangkitan dan perdarahan.
- Leukemia limfoblastik akut (juga dinamakan leukemia limfositik akut atau ALL) - penyakit yang cepat merebak yang meningkatkan bilangan sel darah putih yang tidak matang. Sel darah putih yang tidak matang ini tidak boleh membesar dan berfungsi dengan betul, dan oleh tidak dapat melawan jangkitan dan boleh menyebabkan perdarahan.

Tanya doktor jika anda perlukan penjelasan lanjut tentang penyakit ini.

Bagaimana *Lanvis Tablet* berfungsi

Lanvis Tablet berfungsi dengan mengurangkan penghasilan bilangan sel darah baharu oleh tubuh anda.

Sebelum menggunakan *Lanvis Tablet*

- *Bila tidak boleh menggunakan*

Anda tidak boleh mengambil *Lanvis Tablet* jika anda alergi (hipersensitif) kepada thioguanine atau apa-apa ramuan lain *Lanvis Tablet* (Lihat bahagian 8: Maklumat lanjut)
Jangan ambil *Lanvis Tablet* jika yang di atas berkaitan dengan anda. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi sebelum anda mengambil *Lanvis Tablet.*

Kehamilan dan penyusuan
Jangan ambil *Lanvis Tablet* jika anda merancang untuk mempunyai anak. Ini melibatkan lelaki dan wanita. *Lanvis Tablet* boleh memudaratkan sperma atau telur. Langkah kontraseptif yang boleh dipercayai mesti diambil untuk mengelakkan kehamilan semasa anda atau pasangan anda sedang mengambil tablet ini. Minta nasihat doktor anda.
Jika anda hamil, anda perlu berbincang dengan doktor sebelum mengambil *Lanvis Tablet.*
Jangan menyusukan bayi anda semasa mengambil *Lanvis Tablet*. Minta nasihat doktor atau bidan anda.

Berbincang dengan doktor anda dengan segera jika anda mengalami kegatalan yang keterlaluan tanpa ruam semasa kehamilan anda. Anda juga mungkin mengalami loya, dan kehilangan selera makan bersama-sama dengan kegatalan yang menunjukkan bahawa anda mengalami keadaan yang dipanggil kolestasis kehamilan (keadaan yang memberi kesan terhadap hati semasa kehamilan).

- *Sebelum menggunakan*

Sebelum anda mengambil *Lanvis Tablet*, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika:

- anda telah mengambil ubat ini bagi tempoh yang lama. Ini mungkin meningkatkan peluang mengalami kesan sampingan, seperti masalah hati.
- anda mengalami keadaan yang melibatkan penghasilan TPMT atau 'tiopurina metiltransferase' yang terlalu sedikit oleh tubuh anda.
- anda mengalami 'Sindrom Lesch-Nyhan', sejenis keadaan yang sangat jarang berlaku yang diwarisi dalam keluarga berpunca daripada kekurangan HPRT atau 'hipoxantina-guanina-fosforibosiltransferase'.
- anda mempunyai mutasi yang diwarisi dalam gen NUDT15 (gen yang terlibat dalam pecahan thioguanine dalam badan).
- anda perlu mendedahkan kepada cahaya matahari dan cahaya UV. Ia adalah disyorkan untuk memakai pakaian perlindungan dan menggunakan pelindung

matahari dengan faktor perlindungan yang tinggi untuk mengurangkan pendedahan kepada cahaya matahari dan cahaya UV.

Jika anda tidak pasti mana-mana yang di atas berkaitan dengan anda, tanya doktor, jururawat atau ahli farmasi anda sebelum mengambil *Lanvis Tablet*.

- *Jika mengambil ubat-ubat lain*

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini mengambil apa-apa ubat lain termasuk yang diperoleh tanpa preskripsi. Ini termasuk ubat herba. Beritahu doktor atau ahli farmasi terutamanya jika anda sedang mengambil ubat yang berikut:

- *olsalzine* atau *mesalazine* – digunakan untuk masalah usus yang dinamakan kolitis ulseratif.
- *sulfasalazine* – digunakan untuk artritis reumatoid atau kolitis ulseratif.
- *mercaptopurine* – ubat sitotoksik (pesakit yang tidak memberikan respons kepada merkaptopurina juga tidak akan memberikan respons kepada *Lanvis Tablet*).
- ubat sitotoksik lain dan terapi radiasi

– *Mengambil vaksin semasa anda mengambil Lanvis Tablet*

Jika anda hendak mengambil vaksin, beritahu doktor atau jururawat sebelum anda mengambilnya. Ini kerana sesetengah vaksin (seperti polio, campak, beguk dan rubela) boleh menyebabkan anda terkena jangkitan jika diambil semasa anda sedang mengambil *Lanvis Tablet*.

– *Maklumat penting tentang bahan kandungan Lanvis Tablet*

Lanvis Tablet mengandungi laktosa. Jika anda pernah diberitahu oleh doktor yang anda tidak tolerans terhadap sesetengah gula, hubungi doktor sebelum anda mengambil *Lanvis Tablet*.

Cara menggunakan *Lanvis Tablet*

Lanvis Tablet hanya boleh diberikan kepada anda oleh doktor pakar yang berpengalaman dalam merawat masalah darah.

Label pada pembungkus ada menyatakan berapa banyak dan berapa kerap tablet perlu diambil. Jika tidak dinyatakan pada label atau anda tidak pasti, tanya doktor, jururawat atau ahli farmasi anda.

- Telan tablet sepenuhnya dengan segelas air.
- Jika anda perlu membahagikan tablet anda kepada dua, jangan sedut apa-apa serbuk tablet. Basuh tangan anda selepas itu.
- Dalam tempoh anda mengambil *Lanvis Tablet*, doktor akan menjalankan ujian darah secara tetap, untuk memeriksa bilangan dan jenis sel dalam darah anda, dan memastikan hati anda berfungsi dengan betul. Doktor mungkin akan mengubah dos anda selepas itu.

– *Berapa banyak harus digunakan*

Sentiasa ambil *Lanvis Tablet* betul-betul mengikut yang diberitahu oleh doktor anda. Dos *Lanvis Tablet* yang diberikan kepada anda akan ditentukan oleh doktor berdasarkan:

- saiz tubuh anda (luas permukaan).
- keputusan ujian darah anda.
- penyakit yang sedang dirawat.
- Dos biasa adalah antara 60 hingga 200 mg/m^2 luas permukaan tubuh sehari. Jika anda menghadapi masalah buah pinggang atau hati, anda mungkin diberikan dos *Lanvis Tablet* yang lebih rendah.

–

– *Bila perlu digunakan*

Pemberian bergantung pada keadaan anda. Sentiasa ambil *Lanvis Tablet* betul-betul mengikut yang diberitahu oleh doktor. Anda perlu mengambil ubat tepat pada masanya.

– *Berapa lama perlu digunakan*

Pemberian bergantung pada keadaan anda. Sentiasa ambil *Lanvis Tablet* betul-betul mengikut yang diberitahu oleh doktor.

– *Jika anda terlupa menggunakan*

Beritahu doktor anda**. Jangan ambil dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa diambil.**

– *Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)*

Jika anda mengambil dos lebih daripada yang sepatutnya, beritahu doktor anda dengan segera atau pergi ke Unit Kecemasan hospital yang berdekatan, walaupun anda tidak ada tanda-tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan perubatan segera.

Semasa menggunakan *Lanvis Tablet*

– *Perkara yang perlu dilakukan*

Beritahu doktor jika, atas apa-apa alasan, anda tidak mengambil ubat betul-betul seperti yang diarahkan.
Jika tidak, doktor mungkin menganggap ubat itu tidak berfungsi seperti yang sepatutnya dan mengubah rawatan anda tanpa sebab yang wajar.
Jangan ambil dua dos untuk menggantikan dos yang terlupa diambil.
Jumpa doktor secara tetap

supaya dia boleh memeriksa perkembangan anda dan memastikan ubat berfungsi dengan baik.

Beritahu mana-mana pakar, doktor, doktor gigi atau ahli farmasi yang lain, yang anda sedang menggunakan *Lanvis Tablet* terutamanya jika anda hendak memulakan pengambilan apa-apa ubat, imunisasi, vaksin atau radioterapi yang baharu. Beritahu doktor jika anda hamil, merancang untuk hamil atau merancang untuk menjadi bapa.

– *Perkara yang tidak boleh dilakukan*

Jangan berikan ubat ini kepada orang lain walaupun mereka mengalami gejala yang nampak serupa dengan anda.
Jangan guna *Lanvis Tablet* untuk merawat apa-apa aduan lain kecuali doktor membenarkannya.

– *Perkara yang perlu diberi perhatian*

Jangan ambil apa-apa vaksin tanpa kebenaran doktor.
Lanvis Tablet boleh mengurangkan bilangan sel darah putih dan platelet dalam darah anda. Ini bermakna anda mempunyai peluang yang lebih tinggi mengalami jangkitan atau perdarahan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat lain, *Lanvis Tablet* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.
Jika anda mengalami mana-mana yang berikut, beritahu doktor pakar anda atau terus pergi ke hospital:

- apa-apa tanda demam atau jangkitan (sakit tekak, sakit mulut atau masalah kencing).
- apa-apa lebam atau perdarahan yang **tidak dijangka,** kerana ini mungkin menunjukkan terlalu sedikit sel darah jenis tertentu yang dihasilkan.
- jika **tiba-tiba** anda rasa tidak sihat (walaupun suhu badan anda normal)
- apa-apa kekuningan di bahagian putih pada mata atau kulit (jaundis).
- jika anda rasa menggigil, demam, sakit tekak, batuk, simptom seperti selsema dan sakit kepala yang disertai dengan loya, ruam dan/atau kekeliruan, semasa mengambil *Lanvis Tablet* dengan rawatan kanser yang lain sebab simptom-simptom ini mungkin menunjukkan anda dijangkiti dengan jangkitan bakteria, virus atau kulat. Doktor anda akan memberikan rawatan antiviral dan rawatan sokongan yang lain.

Beritahu doktor jika anda mengalami mana-mana kesan sampingan yang berikut, yang juga boleh berlaku apabila mengambil ubat ini:
Sangat kerap (menjejaskan lebih daripada 1 dalam 10 pesakit)

- bilangan sel darah anda menurun.
- jaundis dan kerosakan hati yang teruk – dengan penggunaan *Lanvis Tablet* secara jangka panjang atau dos tinggi.

Kerap (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 10 pesakit)

- kerosakan hati yang boleh menyebabkan jaundis atau hati yang membesar (bengkak di bawah sangkar rusuk) – dengan penggunaan *Lanvis Tablet* secara jangka pendek.
- rasa loya atau rasa hendak muntah, cirit-birit dan ulser mulut.
- asid urik yang tinggi

Tidak biasa (menjejaskan sehingga 1 dalam 100 pesakit)

- kolestasis kehamilan, yang boleh menyebabkan kegatalan yang keterlaluan, terutamanya pada tangan dan kaki.

Jarang (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 1,000 pesakit)

- masalah pada usus yang dinamakan *necrotising colitis*, yang boleh menyebabkan sakit perut yang teruk, rasa hendak muntah, cirit-birit, najis berdarah dan demam.
- Kerosakan hati yang teruk apabila digunakan bersama ubat kemoterapi lain, kontraseptif oral dan alkohol.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan *Adverse* Ubat Kebangsaan melalui laman web npra. gov.my *[Consumers--> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].*

Cara penyimpanan dan pelupusan *Lanvis Tablet*

– *Penyimpanan*

- Elakkan daripada dapat dicapai dan dilihat oleh kanak-kanak.
- Jangan mengambil *Lanvis Tablet* selepas tarikh luput yang dinyatakan pada pembungkus selepas 'Exp'.
- Simpan *Lanvis Tablet* di bawah suhu 30°C.

– *Pelupusan*

- Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan

atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

– *Rupa dan warna produk*
Lanvis Tablet ialah tablet berwarna putih hingga putih pudar, bulat, dwicembung, bergaris dan dicetak 'T40' pada sisi atas, tanpa garis dan cetak tenggelam pada sisi bawah.

– *Bahan-bahan kandungan*
- *Bahan aktif*
  Thioguanine.

- *Bahan tidak aktif*
  lactose monohydrate, potato starch, acacia, stearic acid, magnesium stearate dan purified water.

– *Nombor MAL*
MAL13065045ACZ

Pengilang

Excella GmbH & Co. KG,
Nurnberger Strasse 12, 90537
Feucht, Germany.

Pemegang Pendaftaran Produk

Aspen Medical Products Malaysia Sdn Bhd
201201020269 (1004761-W)
Unit 1302A, Level 13A,
Uptown 1, 1 Jalan SS21/58,
Damansara Uptown, 47400
Petaling Jaya, Selangor,
Malaysia.

Tarikh kemas kini RiMUP

15/05/2025

Nombor Siri

NPRA(R2/2)250701/1498